

SOALAN NO. 525**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah statistik keganasan rumah tangga, penceraian dan bunuh diri mengikut pecahan negeri untuk tahun 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30 September 2017. Apakah peranan agensi seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam mendidik masyarakat mengenai tanggungjawab dalam keluarga agar mengurangkan masalah seperti keganasan rumah tangga, penceraian dan bunuh diri

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Merujuk kepada statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 19,892 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan sejak tahun 2014 hingga September 2017. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
SELANGOR	657	780	938	581	2956
KELANTAN	621	621	686	522	2450
JOHOR	541	633	671	500	2345
KEDAH	398	556	575	390	1919
K/LUMPUR	201	208	454	383	1246
SARAWAK	355	279	427	406	1467
SABAH	299	351	340	271	1261
PERAK	331	263	326	229	1149
N/SEMBOLAN	459	339	323	284	1405
TERENGGANU	229	255	302	210	996
PAHANG	231	203	279	210	923
P/PINANG	306	301	258	137	1002
PERLIS	78	83	119	93	373
MELAKA	101	142	98	59	400
J U M L A H	4807	5014	5796	4275	19892

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Berdasarkan statistik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, dari tahun 2014 hingga September 2017, jumlah permohonan penceraian bagi pasangan Islam yang berstatus selesai adalah sebanyak **205,788 kes** manakala Jabatan Pendaftaran Negara merekodkan jumlah penceraian bagi pasangan bukan Islam dari tahun 2014 hingga Julai 2017 adalah sebanyak **31,833 kes**. Pecahan statistik mengikut negeri adalah seperti berikut:

Tahun (Mahkamah)	2014		2015		2016		2017	
	Islam	Bukan Islam	Islam	Bukan Islam	Islam	Bukan Islam	Islam (Jan-Sept)	Bukan Islam (Jan-Julai)
SELANGOR	11,071	1,209	11,867	1,321	12,227	1,098	7,187	342
JOHOR	5,597	1,698	5,913	1,691	5,715	1,841	3,902	566
KEDAH	4,457	305	5,161	304	5,271	300	3,472	70
KELANTAN	4,580	57	4,379	50	4,463	58	2,396	15
TERENGGANU	3,631	11	4,320	16	4,313	16	2,943	3
WILAYAH PERSEKUTUAN	3,828	1,296	3,904	1,796	4,105	1,745	2,443	509
PERAK	3,697	935	4,017	955	4,078	1,028	2,822	302
PAHANG	3,804	259	3,826	236	3,938	311	2,208	93
SABAH	3,722	390	4,092	310	3,806	358	2,138	122
NEGERI SEMBILAN	2,499	460	2,609	432	2,954	471	1,680	178
SARAWAK	2,470	1,058	2,581	1,187	2,517	1,169	1,457	420
PULAU PINANG	2,260	1,032	2,359	1,040	2,377	1,074	1,277	308
MELAKA	1,749	332	1,914	346	1,754	381	971	125
PERLIS	721	26	890	28	874	28	582	7
JUMLAH	54,086	9,068	57,832	9,712	58,392	9,878	35,478	3,060

Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara & Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Statistik bunuh diri yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2014 hingga September 2017 adalah sebanyak 792 kes dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	TAHUN			
	2014	2015	2016	(Jan - September) 2017
PERLIS	1	1	9	6
KEDAH	16	8	16	8
P/PINANG	26	20	13	6
PERAK	15	12	7	21
SELANGOR	22	21	20	17
K/LUMPUR	39	29	20	19
N/SEMBILAN	18	18	27	22
MELAKA	2	2	5	15
JOHOR	24	28	23	22
PAHANG	8	14	8	12
TERENGGANU	2	1	3	2
KELANTAN	10	2	4	4
SABAH	11	13	9	14
SARAWAK	24	21	31	21
J U M L A H	218	190	195	189

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membendung kes keganasan rumah tangga yang berlaku, Kerajaan telah menggubal Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 untuk memberi perlindungan kepada ahli keluarga. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut mengadakan sesi jerayawara pindaan

akta ini di seluruh negara bagi memberi kesedaran dan memastikan masyarakat secara keseluruhannya peka dengan hak seperti yang termaktub dalam akta.

Dalam usaha mendidik masyarakat mengenai tanggungjawab dalam keluarga agar dapat mengurangkan masalah seperti keganasan rumah tangga, penceraian dan bunuh diri pihak LPPKN telah melaksanakan program pengukuhan institusi perkahwinan dan pemantapan kemahiran keibubapaan seperti Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE), Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN, Pra Perkahwinan SMARTSTART, SMARTSTART 2nd honeymoon, Parenting@Work, SMARTBelanja@LPPKN dan perkhidmatan kaunseling.